

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/1/2013



Suara Blog

Najib ke Gaza dan telaga minyak di Kota Bharu

UM-25/1/2013

DATUK Seri Najib Tun Razak mencatat sejarah apabila menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama yang menjejak bumi Palestin setelah beliau bersama rombongan termasuk isteri, Datin Seri Rosmah Mansor mengadakan lawatan kemanusiaan ke Gaza beberapa hari lalu.

Yang turut menarik perhatian apabila bekas Timbalan Presiden Pas, Nasarudin Mat Isa juga dilaporkan ikut sama mengikuti rombongan Perdana Menteri itu.

Badut Rakyat (badutrakyat.blogspot.com) bagaimanapun berkata, keberanian Najib yang mengadakan lawatan ke Gaza ketika keadaan di sana masih belum selamat ekoran beberapa serangan oleh pihak zionis Israel tidak disenangi oleh para penyokong pembangkang.

Mereka mendakwa lawatan Perdana Menteri itu hanyalah propaganda politik untuk mendapatkan kelebihan menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang akan diadakan bila-bila masa sahaja.

"Ada sebab mereka memfokuskan hal (lawatan Najib) ini, salah satunya bertujuan menghalang perhatian umum daripada mengimbas kembali kenyataan Ketua Umum PKR, (Datuk Seri) Anwar Ibrahim yang pernah berikrar untuk menjamin dan menjaga keselamatan negara Israel," ka-



Lukman Ismail
lukman@utusan.com.my



tanya.

Walaupun pihak pembangkang memandang sinis dengan lawatan Najib, namun katanya, sebahagian besar rakyat di negara ini melihat ia sebagai satu sejarah besar yang tidak mungkin dilupakan baik bagi Malaysia sendiri mahupun rakyat Palestin di bumi Gaza, yang baharu sahaja menghadapi keganasan zionis Israel.

"Pas yang sering menanam semangat perjuangan kepada ahli dan penyokongnya untuk mengejar ganjaran mati syahid, sedar tak sedar rupa-rupanya pemimpin utamanya sendiri tak sanggup menempuh risiko demikian kerana takut mati syahid serta terlampau sayangkan pangkat dan darjat duniawi.

"Sedangkan UMNO yang saban hari dituduh anti-Islam dan tidak Islamik oleh Pas, namun para pemimpinnya tidak pula dilanda gundah atau ketakutan untuk me-

nempuh cabaran besar kehilangan nyawa dan syahid tatkala membantu umat Islam di wilayah yang sedang bergolak. Inilah perbezaan nyata antara pemimpin UMNO dengan Pas."

Medan Info Kita (medan-info-kita.blogspot.com) pula melontarkan pertanyaan kepada para pemimpin pembangkang khususnya Anwar untuk mengambil langkah serupa mengadakan kunjungan ke bumi Palestin.

"Apakah Anwar ada keberanian untuk berbuat demikian, sekali gus sudah pasti akan menyinggung perasaan para Al-Yahoods Yahudi? "Siapa akan mempercayai bahawa Anwar ada keberanian untuk berkunjung ke bumi Gaza..?" tanya blog ini sambil menayangkan rakaman klip video Anwar berucap di satu majlis anjuran NED (National Endowment for Democracy).

TELAGA MINYAK DI KOTA BHARU?

EXCO Kerajaan Kelantan, Husam Musa sekali lagi membuat kejutan apabila menyatakan penemuan telaga minyak di perut bumi Kota Bharu. Apa yang melucukan, dakwaan itu di buat selepas Petronas mengumumkan penemuan telaga minyak daratan di Sarawak.

Ekoran dakwaan itu, Kickdefella (kick-

defella.net) telah membidas Husam dan menganggap kenyataan Naib Presiden Pas itu sebagai cuba mengalihkan perhatian rakyat tentang beberapa isu.

Isu-isu tersebut ialah dakwaan penderhakaan terhadap Sultan Kelantan apabila beliau memfailkan permohonan injunksi terhadap Petronas, sedangkan baginda perkenan agar isu tuntutan royalti minyak Kelantan diselesaikan jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri.

"Kenapa Husam tergesa-gesa buat kenyataan terbaharu tentang gosip ada minyak di bawah Kota Bharu ini dan seterusnya membunuh isu permohonan injunksinya sendiri yang tidak sempat hidup lebih satu hari?" kata blog ini.

Selain itu, Husam juga dikatakan tertekan dengan pengumuman Perdana Menteri mengenai rancangan melaksanakan tujuh projek utama di Kelantan jika Barisan Nasional (BN) diberi mandat memerintah negeri itu.

"Bagaimana tidak tertekan kerana projek itu semua sudah Husam umum hendak buat sendiri dan sudah Husam minta Nik Aziz (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat - Menteri Besar Kelantan) rasmi tetapi satu pun tidak ada yang jadi," katanya.

Cucu Tok Selampit (khairulryezal.blogspot.com) turut melihat kenyataan "gebang" Husam sebagai usaha mengalih perhatian rakyat negeri itu ekoran pengumuman tujuh projek utama di Kelantan yang diumumkan Najib tempoh hari.

"Sebenarnya Husam dan Pas sudah terdesak. Apabila Najib datang ke Kelantan dan menjanjikan tujuh perkara sekurang-kurangnya pembangunan untuk rakyat Kelantan, Pas Kelantan menjadi "gelabah biawak", sehinggakan Nik Aziz menggelarkan tujuh janji itu sebagai rasuah politik.

"Husam pula tanpa segan silu sekali lagi menguar-uarkan bahawa telaga minyak telah ditemui di dataran Kota Bharu dan Tumpat. Ia tidak lain untuk memberikan harapan palsu kepada rakyat Kelantan," katanya.

Selangor Daily (www.selangordaily.com) pula menggesa rakyat Kelantan menuntut Husam memberikan penjelasan berhubung beberapa projek yang telah diumumkan sebelum ini.

Antara projek yang dijanjikan itu ialah projek kambing janjari, Koridor Depu Kelantan, stadium baharu Kelantan di Bukit Merbau, Pasir Putih; lebuhraya percuma dan projek kereta api laju dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur.